

Segamat, Mersing terjejas banjir



Anggota bomba dan penyelamat sedang membantu memindahkan seorang warga emas mangsa banjir kilat Mersing ke pusat pemindahan sementara.

JOHOR BAHRU - Majlis Keselamatan Negara (MKN) cawangan Johor melaporkan sehingga jam 4 petang semalam, hanya dua pusat pemindahan banjir dibuka di negeri ini iaitu di daerah Segamat bagi menempatkan 115 penduduk daripada 31 keluarga yang terjejas.

Dua mukim yang terjejas di Segamat membabitkan kawasan Gemereh dan Labis di mana 27 penduduk dari tujuh keluarga di Gemereh terpaksa dipindahkan ke Balairaya Kampung Batu Badak.

Manakala penduduk di kawasan Labis dipindahkan ke Balairaya Kampung Segamat Kecil membabitkan 30 lelaki, 23 wanita dan 35 kanak-kanak daripada 24 keluarga.

Tiada jalan terputus dilaporkan berlaku setakat ini.

Sementara itu, di Mersing Jabatan

Bomba dan Penyelamat Negeri Johor dalam laporannya pada jam 8 pagi memberitahu telah memindahkan seramai 229 penduduk termasuk tiga bayi dari 43 keluarga di Mersing dan Endau ke dua pusat penempatan sementara, susulan situasi banjir kilat yang berlaku di kedua-dua kawasan.

Menurut laporan itu, dua pusat pemindahan dibuka di daerah Mersing bagi menempatkan mangsa dari kawasan itu yang terdiri daripada 61 lelaki, 59 perempuan dan 90 kanak-kanak.

Turut dipindahkan dari kawasan itu tiga bayi lelaki.

Manakala tiada pusat pemindahan dibuka di kawasan Endau dan mangsa yang terjejas iaitu enam lelaki, lima wanita dan lima kanak-kanak dari tiga keluarga dipindahkan ke rumah saudara masing-masing.